

JARINGAN KESELAMATAN SOSIAL DAN SKIM TAKAFUL BANJIR

Siti Aznor Ahmad
College of Arts and Sciences
Universiti Utara Malaysia

Rohana Yusof
College of Law, Government and International Studies
Universiti Utara Malaysia

Abdul Rahim Anuar
College of Law, Government and International Studies
Universiti Utara Malaysia

ABSTRAK

Terma Jaringan Keselamatan Sosial (JKS) adalah agak baru diterima dunia di mana ia banyak digunakan sejak tahun 1990an. Berbagai definisi yang digunakan dan di Malaysia, terma Jaringan Keselamatan Sosial membawa definisi perkhidmatan yang disediakan oleh kerajaan untuk kepentingan masyarakat meliputi kebajikan, perubatan dan kadang kala subsidi kepada pengangkutan awam. Semasa pembentangan Bajet 2009, kerajaan telah mengumumkan berbagai bantuan bagi membantu golongan yang berpendapatan rendah, orang kurang upaya, ibu tunggal dan lain-lain golongan yang kurang bernasib baik. Selain daripada bantuan untuk meningkatkan taraf hidup golongan kurang bernasib baik, terdapat juga penubuhan satu tabung untuk membantu mereka yang dilanda bencana seperti banjir dan kebakaran dan bantuan kepada keluarga yang kehilangan punca pendapatan secara mengejut (seperti kemalangan) berjumlah RM25 juta. Pemberian bantuan ini berdasarkan kejadian, di mana sekiranya berlaku keadaan bencana, mangsa bencana akan diberikan bantuan mengikut panduan yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara. Kajian ini lebih menumpu kepada bencana banjir dengan memberi cadangan memperkenalkan Skim Takaful/Insuran Banjir sebagai salah satu alternatif kepada sistem yang sedia ada. Antara kebaikan skim ini termasuklah dapat mengurangkan beban fiskal kerajaan; dan dapat mempraktikkan konsep perkongsian di antara orang yang tidak terlibat dengan banjir dengan mangsa banjir.

PENGENALAN

Analogi “jaring keselamatan” di ambil daripada jaring yang disediakan di bawah orang yang membuat aksi berjalan di tempat tinggi (seperti yang selalu dilakukan di dalam sarkas) untuk melindungi orang tersebut daripada cedera jika terjatuh.

Mengambil analogi ini, beberapa organisasi dan skolar menggunakan terma “jaring keselamatan sosial” sebagai merujuk kepada mekanisma sektor awam dan swasta dalam membantu individu-individu mengekalkan tingkat minimum penggunaan.

Dalam tahun awal 1990 an terma jaring keselamatan sosial (JKS) semakin galak digunakan terutama oleh Institusi Bretton Wood bagi program pinjaman mereka yang bertujuan untuk memperbaiki struktur sosial penduduk (Vivian, 1994). Negara-negara sedang membangun memperkenalkan JKS untuk memenuhi tiga objektif: membasmi kemiskinan, menjadikan program perubahan struktur sosial lebih diterima oleh ahli politik, dan merubah institusi (Vivian, 1994).

Semasa Krisis Kewangan Asia, terdapat kekeliruan berkenaan kandungan dan kesan program JKS ini. Bank Dunia mendefinisikan JKS secara am dengan memasukkan sekali insuran sosial. ESCAP (1999) juga menggunakan terma yang sama tetapi tidak memasukkan program membasmi kemiskinan ke dalam JKS. Hujahan mereka untuk tidak memasukkan program membasmi kemiskinan adalah kerana program membasmi kemiskinan bertujuan untuk mengeluarkan golongan yang miskin daripada kancas kemiskinan, sedangkan JKS adalah untuk golongan yang terkesan akibat krisis, bencana dan sesuatu yang tidak dijangka. Ini bermaksud orang yang patut mendapat bantuan di bawah JKS boleh jadi golongan miskin atau tidak miskin.

Jimenez (1999) memisahkan antara jaring keselamatan formal dan tidak formal, di mana system jaringan keselamatan tidak formal lebih sukar dikenalpasti dan sumbangan mereka lebih sukar diukur. Sebaliknya, Organisasi Buruh Antarabangsa (ILO) menggunakan definisi yang lebih

sempit dengan tidak memasukkan system insuran sosial yang sumbangan kewangan datang daripada majikan dan pekerja ke dalam SJK. ILO mendefinisikan JKS sebagai “pemberian anti-kemiskinan oleh kerajaan” (Gillion, Turner, Bailey, & Latulippe, 2000).

Program JKS awam boleh dikategorikan kepada jaringan keselamatan formal dan tidak formal. Perbezaan keduanya bergantung kepada sama ada ia tertakluk kepada undang-undang: jaringan keselamatan formal adalah jika individu dijamin oleh undang-undang mendapat bantuan ekonomi atau sosial manakala jaringan keselamatan tidak formal menyediakan kemudahan bantuan kepada individu agar mencapai sekurang-kurangnya taraf hidup yang minimum tetapi tidak dilindungi oleh undang-undang (Reddy, 1998). Selain daripada JKS awam, terdapat juga masyarakat yang mempunyai arrangement swasta, tidak formal dan masyarakat untuk membantu kebuluran dan ketidakcukupan kewangan sementara. Contoh adalah seperti penggunaan zakat dalam masyarakat Islam.

JKS tidak formal boleh dibahagi kepada awam dan swasta. Contoh JKS swasta termasuklah pindahan daripada ahli keluarga, rakan, jiran, rakan sekampung dan juga institusi swasta dan bukan kerajaan (NGO). Contoh terpenting adalah pemberian anak-anak kepada ibu bapa.

Daripada definisi-definisi di atas, boleh di katakan bahawa JKS boleh berupa dalam berbagai bentuk: pemberian tunai melalui pembayaran kebajikan, elaun anak, atau pencen; pemberian barangan seperti bantuan makanan di sekolah; subsidi ke atas barangan makanan dan diesel; insuran penganggur; dan skim pekerjaan kepada penganggur. JKS selalunya dipacu oleh kebimbangan tentang keseimbangan (ekuiti) dan kecekapan. Ia juga terbit atas tujuan membantu golongan yang kurang bernasib baik. Juga, program-program di bawah JKS adalah bagi mengimbangi kegagalan pasaran kredit dan insuran yang menyebabkan isirumah yang tidak berkemampuan tidak dapat membuat pelaburan yang boleh meningkatkan pendapatan masa hadapan mereka, atau tidak dapat melindungi mereka daripada kesan ketidakpastian masa hadapan.

Oleh itu, JKS boleh dilihat berperanan sebagai membentuk masyarakat yang lebih seimbang dan juga berfungsi sebagai pemangkin pertumbuhan ekonomi. Ini dapat berlaku melalui 5 saluran:

- JKS membantu membentuk asset individu, isirumah dan masyarakat;
- Ia membantu isirumah melindungi asset mereka semasa keadaan tidak dijangka;
- Dengan membantu isirumah menangani risiko, ia dapat member ruang kepada isirumah menggunakan sumber sedia ada dengan lebih berkesan;
- Ia memungkinan perubahan struktur ekonomi negara;
- Dengan mengecilkan jurang ketidaksamarataan, secara tidak langsung ia dapat meningkatkan kadar pertumbuhan ekonomi.

Tumpuan akan diberikan kepada poin nombor dua di atas, iaitu JKS dalam kontek membantu melindungi asset isirumah semasa keadaan tidak dijangka. "Keadaan yang tidak dijangka" yang biasa berlaku di negara sedang membangun termasuklah banjir, kemarau, kejutan harga dan keruntuhan pasaran saham. Kejutan begini boleh mengakibatkan kehilangan punca pendapatan secara terus apabila banjir mengakibatkan tanaman musnah, atau kejadian kemarau yang mengakibatkan kejatuhan hasil tuaian. Ia juga boleh memberi kesan negatif kepada punca pendapatan secara tidak langsung, contohnya kesan ke atas tukang jahit yang pelanggannya berkurangan akibat daripada pelanggan biasanya menjadi miskin. Dengan ketiadaan insuran, kejutan memaksa isirumah mengurangkan penggunaan, atau mengeluarkan tabungan, atau keduanya.

JARINGAN KESELAMATAN DI MALAYSIA

Secara umum, di Malaysia, Jaringan Keselamatan Sosial (JKS) didefinisikan sebagai perkhidmatan yang disediakan oleh kerajaan untuk kepentingan masyarakat meliputi kebajikan, perubahan dan kadang kala subsidi kepada pengangkutan awam. Terdapat berbagai agensi kerajaan yang terlibat di dalam sistem ini termasuklah Kementerian Pembangunan Wanita,

Keluarga dan Masyarakat; Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah; Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani; Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan; Kementerian Sumber Manusia; Kementerian Kesihatan; Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi; dan Kementerian Pelajaran.

Ia bertujuan untuk mengagihkan pendapatan dan sumber kepada golongan yang memerlukan dalam masyarakat serta membantu mengatasi kemiskinan dalam jangka masa pendek. Kumpulan sasaran di dalam JKS adalah golongan berpendapatan rendah dan miskin terutama warga emas, ibu tunggal dan golongan kurang upaya. Selaras dengan itu, kerajaan Malaysia telah merangka satu JKS bagi mengurangkan impak terhadap golongan berpendapatan rendah dan golongan miskin akibat kenaikan inflasi dan kelembapan ekonomi.

Melalui skim Jaringan Keselamatan Sosial ini, beberapa perubahan kepada skim sedia ada telah dilakukan. Antaranya adalah dengan menaikkan tahap kelayakan pendapatan isi rumah daripada RM400 sebulan kepada RM720 sebulan bagi Semenanjung, RM830 sebulan untuk Sarawak dan RM960 untuk Sabah. Ketika ini terdapat dua skim bantuan utama di bawah Jabatan kebajikan Masyarakat iaitu Skim Bantuan Persekutuan dan Skim Bantuan Am Negeri. Skim Bantuan Persekutuan diberi secara bulanan di bawah skim Bantuan Orang Tua (berusia 60 tahun ke atas) dan Bantuan Kanak-Kanak (di bawah usia 18 tahun). Manakala Skim Bantuan Am Negeri menjurus kepada golongan yang tercicir seperti ibu atau bapa tunggal dan orang kurang upaya. Disebabkan bantuan di bawah Skim Bantuan Am Negeri jauh lebih rendah berbanding Skim Bantuan Persekutuan, satu skim lain diperkenalkan dikenali sebagai Skim Bantuan Asas Keluarga diperingkat Persekutuan. Skim Bantuan Asas Keluarga ini akan memberikan bantuan sebanyak RM100 seorang sehingga maksimum RM600 sekeluarga sebulan yang diberikan mengikut saiz isi rumah (meliputi ibu, bapa dan anak dalam satu keluarga asas).

Selain skim-skim di atas, disediakan juga Program Bantuan Rumah dengan peruntukan sebanyak RM50 juta untuk membina 1,400 rumah baru dan membaik pulih 1,000 rumah lainnya. Usaha berterusan juga dilakukan untuk meningkatkan pendapatan dan kualiti hidup penduduk di Sabah dan Sarawak, terutama untuk meningkatkan kemudahan asas seperti

bekalan elektrik, air dan jalan luar bandar. Sejumlah RM580 juta disediakan bagi Sabah dan RM420 juta bagi Sarawak.

Lainnya termasuklah mengecualikan bayaran bil elektrik RM20 sebulan ke bawah berkuatkuasa 1 Oktober 2008 sehingga akhir 2009. Begitu juga dengan rebet cukai pendapatan dinaikkan dari RM350 kepada RM400 bagi pendapatan bercukai RM35,000. Dengan itu seramai 100,000 pembayar cukai dari golongan berpendapatan rendah tidak lagi dikenakan cukai.

Di bawah jaringan Keselamatan Sosial ini juga golongan petani dan nelayan juga diberikan pembelaan di mana sejumlah RM300 juta diperuntukkan. Sejumlah RM180 juta adalah untuk menampung sara hidup nelayan dan pemilik bot perikanan manakala RM120 juta sebagai insentif tangkapan ikan.

Bagi meningkatkan kehidupan petani juga, elaun pelaburan semula sebanyak 60 peratus bagi tempoh 15 tahun bagi pelaburan tambahan bagi penternak ayam dan itik. Selain peruntukan sejumlah RM475 juta bagi bantuan input pertanian, baja dan racun perosak bagi pengusaha sawah.

Daripada keterangan di atas, dapat di lihat tumpuan JKS di Malaysia adalah lebih menjurus kepada bantuan kepada golongan miskin agar terkeluar daripada berada di bawah garis kemiskinan. Bagaimana pun, terdapat juga peruntukan di bawah Bajet 2009, satu tabung bantuan khas untuk membantu mereka yang dilanda bencana seperti banjir dan kebakaran dan bantuan kepada keluarga yang kehilangan punca pendapatan secara mengejut (seperti kemalangan) berjumlah RM25 juta. Pemberian bantuan ini berdasarkan kejadian, di mana sekiranya berlaku keadaan bencana, mangsa bencana akan diberikan bantuan mengikut panduan yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara.

Melihat kepada peruntukan dan usaha yang dijalankan oleh kerajaan bagi membasmi kemiskinan dan membantu golongan yang mengalami bencana, di rasakan bebanan ini dapat dikurangkan dengan melibatkan pihak swasta. Salah satu cara penglibatan pihak swasta (selain daripada tanggungjawab sosial korporat) adalah dengan “memindahkan” salah satu elemen dalam JKS, iaitu bayaran pampasan akibat banjir kepada pihak swasta iaitu syarikat insuran.

CADANGAN MEMPERKENALKAN SKIM TAKAFUL BANJIR

Sehingga kini di Malaysia, terdapat beberapa jenis insuran yang melindungi harta benda daripada kemusnahan. Di bawah insuran am, terdapat tiga jenis insuran yang melindungi harta (*property insurance*), iaitu (i) insuran kebakaran (ii) insuran empunya rumah (*houseowner's insurance*), dan (iii) insuran isi rumah (*householders' insurance/content insurance*).

Insuran kebakaran adalah untuk melindungi kerosakan terhadap harta seperti bangunan, isi bangunan seperti peralatan, perabot dan sebagainya. Polisi ini melindungi kerosakan atau kerugian akibat daripada kebakaran dan kilat, atau kerosakan akibat letupan pemanas air domestik (*domestic boilers*) atau letupan gas untuk kegunaan domestik. Bagaimana pun, polisi ini boleh dilanjutkan untuk melindungi kerosakan harta akibat daripada kejadian lain berikut:

- Tunjuk perasaan dan mogok
- Perbuatan khianat
- Barang jatuh daripada kapalterbang atau kapalterbang terhempas
- Kenderaan bukan hak sendiri
- Letupan atau limpahan tangki air dan paip air
- Gempa bumi, letupan gunung berapi, ribut, taufan, angin kencang
- **Banjir**

Insuran empunya rumah dan insuran isi rumah pula adalah lebih menyeluruh dan khusus untuk pemilik rumah dan penyewa rumah. Ia melindungi bangunan dan isi di dalam bangunan akibat daripada semua yang disenaraikan di dalam insuran kebakaran di atas kecuali akibat tunjuk perasaan, mogok dan perbuatan khianat. Tambahan daripada senarai di atas, perkara di bawah juga termasuk di dalam perlindungan:

- Kecurian akibat pecah masuk
- Kehilangan punca sewa akibat kehilangan penyewa disebabkan bangunan rosak

- Liabiliti yang *insured* kepada orang ramai berhubung dengan kecederaan tubuh dan kerosakan (*The insured's liability to the public in respect of bodily injury and damage*)

Ini bermakna buat masa kini, memang terdapat insuran yang melindungi bangunan daripada banjir tetapi insuran ini hanya diwajibkan kepada pembeli rumah yang membayar rumah mereka dengan mengambil pinjaman sama ada dengan kerajaan atau bank. Insuran yang diwajibkan ke atas pembeli hanyalah insuran kebakaran. Sesiapa yang inginkan perlindungan tambahan sahaja akan mengambil perlindungan tambahan yang termasuk akibat banjir di dalamnya.

Sebagai contoh, terdapat tuntutan telah dibuat oleh pemilik bangunan yang telah membeli insuran pemilik rumah dan insuran barang di dalam rumah (houseowners/householders insurance) yang telah mengalami kerosakan bangunan yang mereka insurankan di Kota Tinggi, Johor. Kejadian banjir telah berlaku dua kali iaitu pada 20 Disember 2006 dan 12 Januari 2007. Tuntutan insuran yang dibuat dan dibayar adalah berdasarkan item yang rosak (bangunan dan isi bangunan) seperti lantai kayu (*laminated timber flooring*), suis dan plug lampu, lampu taman, pintu kayu, kabinet dapur dan almari baju dan juga termasuk kos mencuci. Kejadian di Johor ini menampakkan tuntutan lebih kurang 4,000 pemegang polisi dengan bayaran pampasan keseluruhan berjumlah lebih kurang RM10 juta untuk perlindungan individu dan juga syarikat. Di sebabkan polisi insuran ini memerlukan syarikat adjuster menilai tuntutan yang dilakukan dengan melawat tempat kejadian untuk mengesahkan tuntutan, kos yang ditanggung adalah secara purata lebih kurang RM650 setiap kes.

Di bawah dipaparkan contoh tuntutan yang dibuat oleh dua jenis pembeli insuran iaitu orang perseorangan yang melindungi rumah dan syarikat yang melindungi premis dan jumlah pampasan yang dibayar.

Jadual 1: Contoh tuntutan individu dan syarikat

Perkara	Orang Perseorangan	Syarikat
Jenis bangunan	Didiami	Pejabat, workshop dan showroom
Jenis kerosakan	Harta pemilik dinaiki air setinggi 8 kaki	Kerosakan pada showroom dan workshop akibat hujan lebat yang berterusan
Jumlah insured (RM)	750,000	80,000 (barangan di workshop) 50,000 (perkakasan pejabat)
Jumlah tuntutan (RM)	119,020.50	26,153
Jumlah dibayar (RM)	68,308	15,525.50
Lebihan yang dikenakan (RM)	400	2,500

Sumber: Century Independent Loss Adjusters Sdn Bhd

Dengan itu, dicadangkan satu Skim Takaful/Insuran Banjir (STB) yang khas untuk bencana banjir sahaja. Skim ini mempunyai beberapa kebaikan, antaranya:

1. Ia dapat mengurangkan beban fiskal kerajaan dalam urusan pengurusan bencana terutama banjir dari segi pemberian pampasan, dengan melibatkan tenaga kerja individu dan syarikat insuran.
2. Ia secara automatik dapat mempraktikkan konsep perkongsian di antara orang yang tidak terlibat dengan banjir dengan mangsa banjir yang turut dilindungi dengan skim insuran yang sama.
3. Ia juga secara tak langsung dapat mempengaruhi keputusan isirumah tentang pemilihan kawasan kediaman supaya menjauhi kawasan yang berpotensi mengalami banjir.
4. Ia dapat menjauhkan orang ramai daripada banjir atau mengajar mereka untuk hidup secara rasional dalam menghadapi risiko banjir melalui pengurusan tanah secara bijak

dan bersiap sedia menghadapi bencana, berbanding dengan kaedah kejuruteraan seperti melebarkan atau mengubah aliran sungai yang cuba menghalang air banjir daripada penduduk.

Untuk memastikan STB dapat berjalan dengan baik dan berterusan, perkara-perkara di bawah harus diberi pertimbangan yang serius sebelum STB ini dijalankan:

1. Perlu ada kerjasama yang nyata dan garis panduan yang lengkap di antara kerajaan dan syarikat insuran. Syarikat insuran ini boleh terdiri daripada satu syarikat yang dilantik oleh kerajaan, atau sebuah konsortium (yang terdiri daripada gabungan beberapa syarikat insuran).
2. Bayaran premium hendaklah rendah kerana kebanyakan penduduk yang terdedah kepada banjir adalah penduduk yang berpendapatan rendah. Dengan itu, adalah disarankan supaya kerajaan memberi subsidi sekurang-kurangnya separuh daripada premium yang ditetapkan oleh syarikat insuran.
3. Adalah juga amat penting untuk kerajaan berhenti memberi pampasan seperti yang diamalkan sekarang dan digantikan terus dengan skim insuran ini. Ini bagi mengelakkan masalah "moral hazard". Sikap "moral hazard" merujuk kepada sikap penduduk yang mungkin cenderung untuk tinggal di kawasan yang berisiko mengalami banjir jika mereka menjangka untuk dibantu sekiranya banjir berlaku. Mereka juga akan enggan membeli insuran kerana mereka masih akan mendapat bantuan kerajaan.
4. Pemetaan kawasan banjir bagi seluruh negara harus disediakan oleh agensi kerajaan yang harus di "update" dari masa ke semasa. Ia diperlukan untuk membantu syarikat insuran dalam mengenalpasti kawasan yang dilanda banjir dan tahap banjir berlaku. Kawasan-kawasan yang berkemungkinan dilanda banjir harus ditandakan mengikut tahapnya.

5. Satu peraturan tambahan harus diperkenalkan. Peraturan ini adalah mengenai langkah pencegahan awal yang harus diambil oleh pemaju yang ingin membina bangunan di kawasan yang telah dikenalpasti sebagai kawasan mudah banjir. Ini bermakna semua bangunan baru yang akan dibangunkan di kawasan ini wajib dibangunkan dengan kriteria-kriteria yang telah ditetapkan. Contoh kriteria yang boleh ditetapkan: satu, tambunan tanah tempat bangunan akan dibangunkan harus tidak kurang daripada ketebalan yang ditetapkan; dua, rumah yang ingin dibangunkan harus bertiang tinggi.

6. Untuk mengelakkan kos yang tinggi yang diperlukan untuk menganggar kerosakan, disarankan polisi insuran parametrik diperkenalkan. Kebaikan utama insuran parametrik ialah penilaian umum kepada tuntutan bergantung sepenuhnya kepada parameter boleh ukur yang berkaitan dengan magnitud fizikal kejadian; tuntutan boleh diproseskan dengan serta merta dengan sedikit risiko perselisihan; penilaian risiko adalah ditetapkan kepada parameter kejadian tertentu, yang mana lebih diketahui ramai berbanding kemudahrosakan; selain itu pemegang polisi boleh menghadkan jumlah insuran kepada tahap premium mengikut kesanggupan mereka.

Berdasarkan kajian lepas, banyak cubaan di seluruh dunia memperkenalkan skim insuran bencana tidak begitu berjaya berdasarkan standard kriteria komersil lebih-lebih lagi di negara sedang membangun di mana golongan miskin sentiasa berada di dalam keadaan bencana berulang kali menyebabkan skim insuran tidak dapat memperolehi premium yang dapat membiayai bayaran pampasan dan kos pentadbiran (Hazell, Pomarelda dan Valdes, 1986; Anderson, 2001; Gurenko dan Mahul, 2004). Bagi menjayakan polisi skim takaful banjir di Malaysia, satu kajian yang lebih terperinci harus dijalankan bagi mengkaji permintaan untuk mengetahui jumlah tertinggi kesanggupan membayar tertinggi premium insuran oleh penduduk; dan penawaran dengan membuat penganggaran kerosakan dan kos pentadbiran syarikat insuran. Kajian ini penting untuk menentukan premium yang perlu

dibayar oleh penduduk, subsidi yang perlu kerajaan biayai, di samping memastikan syarikat insuran tidak mengalami kerugian.

RUMUSAN

STB merupakan pilihan yang mampu meringankan beban kewangan dan tekanan emosi akibat daripada kerosakan dan kemusnahan aset yang ditanggung oleh mangsa banjir. Maka, STB boleh menyediakan pampasan pada masa hadapan apabila berlaku bencana banjir dan sebagai jaringan keselamatan sosial kepada golongan yang mudah terjejas dengan banjir. Untuk membangunkan STB, kerajaan perlu menyediakan jaminan kewangan dan insentif fiskal untuk mendorong syarikat takaful/insurans menceburi bidang tanggungjawab social korporat CSR pada khususnya dan jaringan keselamatan sosial pada amnya.

BIBLIOGRAFI

- Akter, S, Brouwer, R, Chowdhury, S, and Salina, A. (2007). Introducing a micro-flood insurance market in Bangladesh: institutional design and commercial viability. Working Paper 07/08. *Poverty Reduction and Environmental Management*. Netherlands. <www.prem-online.org>.
- Anderson, J. (2001). Risk management in rural development: a review. *The World Bank Rural Strategy*. Background Paper 7. World Bank, Washington DC.
- Bajet 200*. dimuat turun pada 1 November. 2008. <<http://www.treasury.gov.my/>>
- ESCAP (1999). Sosial safety nets: Sosial safety net programmes, sosial safety nets in the ESCAP region: Progress and problems. *Note by the Secretariat, Committee on socio-economic measures to alleviate poverty in rural areas (2nd session)*.
- Federal Emergency Management Agency. (2002). *National flood insurance program*. Federal Emergency Management Agency. Washington DC. www.fema.gov
- Feridhanusetyawan, T. (2000). The sosial impact of Indonesian Economic Crisis, in TDRI 2000. *Sosial impacts of the Asian Economic Crisis in Thailand, Indonesia, Malaysia and the Philippines*. Bangkok: Ford Foundation.
- Gillion, C., Turner, J., Bailey, C., & Latulippe, D. (2000). *Sosial security pensions: Development and Reform*. Geneva: ILO.
- Gurenko, E, and Mahul, O. (2003). Combining insurance, contingent debt and self-retention: an optimal corporate risk financing strategy. *World Bank Working Paper*. No. 3167. World Bank, Washington DC.
- Hazell, P, Pomareda, C. and Valdes, A. (1986). *Crop insurance for agricultural development*. The Johns Hopkins University Press, Baltimore.
- Huber, M. (2004). Reforming the UK flood insurance regime the breakdown of a gentleman's agreement. *ESRC Discussion Paper*. No. 18. Centre for Analysis of Risk and Regulation, London.
- Jimanez, E. (1999). Issues in modernizing sosial safety nets. *Paper presented at the Manila Sosial Forum: The New Sosial Agenda for East and Southeast*.
- Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. (2008), *Penerangan subsidi petroleum dan sektor sosial*. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Putrajaya.
- Kerajaan Malaysia. (2006). *Rancangan Malaysia Kesembilan 2006-2010*. Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, Putrajaya.
- Penjelasan Mengenai Subsidi dan Bantuan Kerajaan kepada Rakyat*, dimuat turun pada 19 Oktober 2008. <www.epu.gov.my>
- Reddy, S. (1998). Sosial funds in developing countries: Recent experiences and lessons. *UNICEF Staff Working Papers, Evaluation, Policy and Planning Series, Number EPP-V98-002*. New York: UNICEF.
- Vivian, J. (1994). Sosial safety nets and adjustment in developing countries. *Occasional paper no. 1. World Summit for Sosial Development*. Geneva: United Nations Research Institute for Sosial Development.